



"SYAFAAT SEBAGAI PELUANG TERAKHIR".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ٢٨</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:</p>	4
<p>Hadirin pengikut setia Rasulullah,</p> <p>Saya mengingatkan diri saya dan tuan-tuan agar bertaqwa kepada Allah SWT dengan menjadikan diri kita sebagai orang yang menjunjung setia segala ajaran yang dibawa oleh Baginda Nabi SAW.</p>	5
<p>Hadirin yang dimuliakan,</p> <p>Sebagai anak Adam samada kita sedar atau tidak, kita sering melakukan dosa dan kesalahan, seandainya taubat kita tidak diterima dan dosa kita tidak diampun maka tidak syak lagi kita akan menjadi bahan bakaran api neraka Allah di akhirat kelak. Sesungguhnya tiada jalan untuk melepaskan diri dari situasi yang sangat menakutkan itu melainkan dengan satu peluang terakhir yang diberikan mandat oleh Allah kepada Nabi kita Muhammad SAW. Apakah peluang terakhir itu?</p>	6



<p>Dengar dan ambillah perhatian! Peluang terakhir itu adalah "Syafaat Nabi SAW". Syafaat bererti pertolongan akhir dari Nabi SAW. Ia adalah menjadi salah satu pegangan yang wajib dipercayai oleh umat Islam.</p> <p>Sesungguhnya perkataan syafaat itu tidaklah begitu asing kepada kebanyakan penganut islam di Nusantara ini, kerana sebahagian orang lantaran ghairahnya kepada syafaat itu maka ia menamakan anaknya dengah nama Supaat yang berasal dari perkataan Syafaat yang ertinya pertolongan dari nabi SAW pada hari kiamat nanti.</p>	7
<p>Dalam Al-Quran kalimat syafaat ini disebut sebanyak empat kali, antara lain Allah SWT berfirman dalam surah Taha ayat 109:</p> <p>يَوْمَئِذٍ لَا تَنْفَعُ الشَّفَاعَةُ إِلَّا مَنْ أَذِنَ لَهُ الرَّحْمَنُ وَرَضِيَ لَهُ قَوْلًا ١٠٩</p> <p><i>"Pada hari itu, tidak berfaedah syafaat kecuali dari orang yang diizinkan oleh Allah yang melimpah-limpah rahmat-Nya, dan kepada orang yang diredai perkataannya".</i></p>	8
<p>Al-Imam Al-Tahawiy (الطَّحَاوِي) dalam kitab akidah Al-Tahawiyyah (الطَّحَاوِيَّة) ada menegaskan:</p> <p>وَالشَّفَاعَةُ الَّتِي ادَّخَرَهَا لَهُمْ حَقٌّ كَمَا رُوِيَ فِي الْأَخْبَارِ</p> <p><i>"Sesungguhnya Syafaat yang disimpan untuk umatnya adalah benar seperti mana yang diriwayatkan dalam beberapa banyak hadis Nabi SAW.</i></p>	9



<p>Hadis dari Abu Hurairah RadiaAllahu Anhu bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud:</p> <p><i>"Setiap para Nabi mempunyai satu doa yang mustajab, aku ingin menyimpan doa itu untuk memberikan syafaat kepada umatku pada hari kiamat nanti".</i></p> <p><i>(Riwayat al-Bukhari)</i></p>	10
<p>Hadis dari Usman bin Affan RadiaAllahu Anhu beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:</p> <p><i>"Tiga golongan yang akan memberikan syafaat pada hari kiamat nanti, mereka ialah para Anbia, para Ulama dan para Syuhada."</i></p> <p><i>(Riwayat Ibnu Majah).</i></p>	11
<p>Hadirin yang dimuliakan,</p> <p>Berdasarkan ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis yang sahih, para ulama menyimpulkan bahawa syafaat terbahagi kepada dua: iaitu Syafaat umum dan Syafaat khusus. Syafaat umum ialah syafaat yang dikurniakan kepada para Nabi, ulama dan syuhada. Syafaat khusus pula hanyalah dikurniakan kepada Nabi kita Muhammad SAW. Syafaat ini juga dikenali sebagai al-Syafaat al-Uzma (الشَّفَاعَةُ الْعُظْمَى). Ia adalah permohonan yang dirafakkan oleh baginda nabi SAW kepada Allah SWT supaya disegerakan sesi perbicaraan dan pengadilan setelah lama sengsara menunggu di perhimpunan mahsyar yang semua manusia dalam keadaan tidak berpakaian di bawah terik matahari.</p>	12



<p>Jelasnya semua manusia sudah tidak tahan dengan kesengsaraan yang dialami di mahsyar itu, akhirnya mereka beramai-ramai pergi berjumpa Nabi Adam, Nuh, Ibrahim, Musa dan Isa (عليهم الصلاة والسلام) supaya dipercepatkan proses perbicaraan dan pengadilan. Kesemua Nabi tersebut tidak sanggup menolong malah ada yang mengatakan bahawa kami dapati hari ini Allah sedang murka yang amat sangat dan tidak pernah Allah murka sebegitu rupa sebelumnya. Mereka masing-masing mengatakan "nafsi nafsi " diriku, diriku, dirimu dirimu selamatkanlah diri masing-masing. Akhirnya orang ramai sepakat pergi berjumpa Nabi kita Muhammad SAW untuk memohon kepada Allah SWT supaya perbicaraan dan pengadilan segera dijalankan, Nabi Muhammad SAW bersetuju lantas sujud di bawah arasy bermunajat kepada Allah SWT, permohonan nabi itu dikabulkan dan pengadilan pun dimulakan.</p>	13
<p>Selain dari Syafaat al-Uzma ada lagi syafaat-syafaat yang lain yang dianugerahkan kepada Nabi SAW seperti berikut:</p> <p>Pertama: Syafaat yang diberi kepada para aulia dan solihin untuk meninggikan tingkat kedudukan mereka di dalam syurga.</p> <p>Kedua: Syafaat untuk menjemput orang-orang yang masih ada saki baki iman dalam diri mereka walau sebesar gandum, mereka dikeluarkan dari neraka dan dimasukkan kedalam syurga.</p>	14
<p>Syafaat ini diperolehi oleh Rasulullah SAW dengan rasa belas kasihan baginda SAW yang berdoa sambil menangis kepada Allah. Al-Imam Muslim meriwayatkan sebuah hadis melalui Ibnu Umar Radhiallahu Anhuma bahawa Nabi SAW berdoa "Ya Allah! Umatku umatku (mereka masih berada didalam neraka). Permintaan Nabi dikabulkan Allah dengan firmanNya:</p>	15



إِنَّا سَنُضِيقُ فِي أُمَّتِكَ، وَلَا نَسْؤُوكَ

"...Kami sesungguhnya redha terhadap umatmu dan kami tidak akan menyakitkan hatimu (maksudnya mereka dikeluarkan dari neraka)"

Ketiga: Syafaat yang diberikan kepada Nabi SAW untuk membantu orang yang timbangan amal kebbaikannya dan kejahatannya sama berat. Maka dengan pertolongan tersebut akhirnya orang itu berjaya memasuki Syurga.

16

Keempat: Syafaat yang diberikan kepada Nabi SAW untuk memasukkan orang-orang tertentu ke dalam syurga tanpa hisab dan azab. Mereka yang sangat bernasib baik ini akan masuk kedalam syurga melalui laluan khas yang telah ditentukan. Mudah-mudahan kita termasuk dalam kumpulan ini, Amin!.

17

Al-Imam Ahmad meriwayatkan sebuah hadis melalui Abdul Rahman bin Abu Bakar Radhiallahu Anhu beliau berkata, bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya Tuhanku telah mengurniakan kepadaku seramai tujuh puluh ribu dalam kalangan umatku mereka masuk syurga tanpa dihisab. Saidina Umar bertanya kepada Nabi SAW, "Tidakkah tuan minta ditambah bilangan itu?, Rasulullah menjawab ya! Saya telah memohon tambahan, lalu Allah mengurniakan kepadaku tambahan setiap seorang membawa tujuh puluh ribu orang bersamanya. Umar berkata: tidakkah Tuan meminta tambah lagi?, Rasulullah menjawab ya! Setiap seorang membawa tujuh puluh ribu lagi. Umar bertanya lagi: tidakkah Tuan meminta tambah lagi? Rasulullah SAW menjawab ya! Aku telah meminta tambah tetapi setakat itu sahaja yang diberi.

18



<p>Kelima: Syafaat yang dikurniakan kepada Nabi SAW untuk menyelamatkan orang yang telah melakukan dosa besar dari seksaan neraka. Hadis daripada Anas Bin Malik Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">شَفَاعَتِي لِأَهْلِ الْكِبَائِرِ مِنْ أُمَّتِي</p> <p><i>"Syafaatku untuk orang yang melakukan dosa besar dalam kalangan ummatku."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Imam Ahmad).</i></p>	19
<p>Akhirnya mari kita bisikkan ke lubuk hati kita dengan pertanyaan- pertanyaan seperti berikut: Adakah kita termasuk orang yang layak mendapat habuan dari syafaat-syafaat tersebut? Adakah Rasulullah cukup mengenali kita melalui selawat dan salam yang telah kita tujukan kepadanya? Adakah kita telah menjadi pendokong setia kepada ajaran yang Baginda bawa sehingga melayakkan kita mendapat pertolongan baginda?</p>	20
<p>Hadirin yang dimulikan,</p> <p>Menelusuri khutbah pada hari ini marilah kita menghayati taujihat dan tausiah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam mesti yakin bahawa kehadiran Nabi Muhammad SAW ke alam ini adalah membawa rahmat kepada seluruh alam.2. Umat Islam hendaklah sedar bahawa mandat untuk memberikan syafaat adalah kurniaan dan keizinan Allah Azza wa Jalla.3. Umat Islam yang ingin mendapatkan syafaat Nabi SAW mestilah meninggalkan dunia dalam keadaan beriman kepada Allah SWT.4. Orang-orang yang ingin mendapatkan syafaat dari Nabi SAW mestilah orang yang mengamalkan ajaran Nabi SAW dan memperbanyakkan selawat kepada Baginda SAW.	21



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ۝ ١٢٨</p>	22
<p><i>“Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (yaitu Nabi Muhammad SAW), yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat tamak (inginkan) kebaikan bagi kamu, (dan) ia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(al-Taubah : 128).</i></p>	23
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	24
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	25

KHUTBAH KEDUA



<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p>Hadirin yang berbahagia,</p> <p>Marilah kita bersatu atas dasar akidah Islam yang pasti dan disimpul mati. Bersatu dalam apa jua situasi, bersatu teguh menghadapi persekitaran dan ancaman musuh yang terang dan terselindung. Bersatunya umat Islam adalah kekuatan paling dasar ke arah pembinaan Khaira Ummah (umat terbaik). Umat Islam berhak untuk berbeza pendapat, apalagi dalam soal urusan duniawi, namun umat Islam hendaklah terus bersatu dalam fikrah dan kefahaman mengikut garis rentas kalimah لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ, prinsip-prinsip penegasan al-Quran dan al-Hadis serta prinsip persaudaraan Islam yang kukuh.</p>	4
<p>Hadirin yang berbahagia,</p> <p>Dalam usaha kita memutuskan rantaian Covid-19 ini, setiap Jemaah diminta terus berdisiplin dan wajib mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak JAIS khususnya mengambil wuduk di rumah, membawa sejadah masing-masing, memakai pelitup muka (face mask) ketika hadir di Masjid dan Surau serta mengamalkan penjarakan fizikal. Bagi mereka yang tidak sihat adalah dilarang sama sekali untuk melaksanakan solat di Masjid dan Surau.</p>	5



6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
7	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ.
8	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.
9	اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَاوَى أَمِيرِ شَاهِ اِبْنِ السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج
10	فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْضَفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.
11	Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini. Ya Allah, lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Covid-19.
12	اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.



	13
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠﴾</p>	14
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ ۖ إِنَّ نِعْمَهُ يُزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	15